

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 28.04.2025 MASA: 05.00PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERUSAHA TUAN MOHD IBRAHIM BIN MD NOR
SETIAUSAHA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

SEMPENA

KURSUS ARAHAN KESELAMATAN

TARIKH / MASA / TEMPAT

**6 MEI 2025 (SELASA)
8.30 PAGI**

**ICONIC HOTEL
SEBERANG PERAI TENGAH**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya, kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh bermakna ini dalam **Kursus Arahan Keselamatan**.
2. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada **Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang** atas kesudian bekerjasama dengan **Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)** dalam menganjurkan kursus yang amat penting ini.
3. Setinggi-tinggi penghargaan juga saya tujukan kepada **Yang Berusaha Encik Mohd Khairul Sharizan bin Hamid, Pengarah Keselamatan Kerajaan, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang** kerana sudi berkongsi ilmu dan pengalaman serta panduan berharga berkaitan amalan keselamatan perlindungan di sektor awam.

4. Tidak dilupakan, penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada semua **Ketua Jabatan MBSP** yang hadir, mencerminkan komitmen kita bersama dalam memperkasa pemahaman dan pematuhan terhadap Arahan Keselamatan serta Dasar Keselamatan Perlindungan seperti yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.
5. Kursus ini merupakan sesi pemantapan dan pengukuhan kefahaman yang amat penting, khususnya kepada semua Ketua Jabatan, bagi memastikan bahawa pengurusan keselamatan maklumat dan dokumen rasmi, khususnya yang terperingkat, sentiasa berada pada tahap tertinggi dan mematuhi kehendak Akta Rahsia Rasmi 1972, Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) serta Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 2023.
6. Penganjuran kursus ini juga bertujuan mempertingkatkan kesedaran mengenai kepentingan menjaga kerahsiaan, integriti dan ketersediaan maklumat sulit, sekaligus meminimakan risiko kebocoran atau penyalahgunaan maklumat yang boleh menjejaskan kredibiliti serta keselamatan organisasi.
7. Di samping itu, kursus ini juga memperjelas tanggungjawab individu dan organisasi dalam memelihara keselamatan perlindungan, memperkenalkan prosedur kerja selamat seperti pengendalian

dokumen terperingkat, penggunaan sistem ICT yang selamat, serta memperkukuh kawalan keselamatan fizikal.

8. Apa yang lebih penting, kursus ini merupakan sebahagian daripada persiapan awal kita dalam menghadapi **Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan** oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Negeri Pulau Pinang yang dijadualkan berlangsung pada **17 hingga 19 Jun 2025** kelak.
9. Saya ingin menegaskan bahawa keselamatan perlindungan bukan semata-mata tanggungjawab pegawai keselamatan jabatan semata-mata, tetapi merupakan tanggungjawab kolektif semua kakitangan organisasi.
10. Sehubungan itu, saya berharap agar kursus ini dimanfaatkan sepenuhnya untuk memperkasa ilmu, meningkatkan kesedaran dan memperkemaskan amalan keselamatan di jabatan masing-masing, demi memastikan bahawa setiap maklumat dan dokumen kerajaan diuruskan secara profesional, beretika dan selamat.
11. Saya juga menaruh harapan yang tinggi agar semua Ketua Jabatan dan kakitangan MBSP dapat memperagakan tahap tadbir urus keselamatan perlindungan yang cemerlang, menepati kehendak

semasa, serta mendukung aspirasi kerajaan dalam memperkukuh integriti dan keutuhan sektor perkhidmatan awam.

12. Dengan itu, marilah kita bersama-sama menanam iltizam untuk memelihara keselamatan maklumat dan dokumen kerajaan, sebagai sebahagian daripada tanggungjawab kita kepada organisasi, masyarakat dan negara tercinta.
13. Akhir kata, semoga Kursus Arahan Keselamatan ini berlangsung dengan jayanya dan memberikan manfaat yang berpanjangan kepada kita semua.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.